

**MODUL
FALSAFAH
—DAN—
ISU
SEMASA**

Modul ini dibangunkan dengan tujuan untuk mempersiapkan generasi baharu agar berupaya berfikir secara kritikal dan rasional dalam menanggapi pelbagai cabaran pemikiran yang berkait dengan isu dan ideologi semasa. Antara cabaran besar tersebut ialah mempertahankan dan mengekalkan jati diri dalam menghadapi gerakan ideologi relativisme pascamoden global yang menisbikan segala bentuk hakikat dan kebenaran dalam kehidupan. Berdasarkan latar tersebut, modul ini membincangkan mengenai epistemologi, metafizik, psikologi dan sosiologi, logik dan metodologi yang bersambungan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Secara keseluruhan, modul ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu kontekstualisasi falsafah, analisis falsafah dan aplikasi falsafah bagi mendepani isu dan ideologi semasa. Adalah diharapkan semoga modul ini dapat membimbing pelajar untuk memahami kursus Falsafah dan Isu Semasa dengan lebih baik dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

MODUL FALSAFAH —DAN— ISU SEMASA

**MODUL
FALSAFAH
—DAN—
ISU
SEMASA**

ISBN 978-957-2912-04-4



Penyelenggara
NOOR ULISAHAM M.D. KHAWI

BAB 2

FALSAFAH DALAM KEHIDUPAN

Asma Lailee Mohd Noor & Nur Azuki Yusoff

HASIL PEMBELAJARAN

- Menjelaskan perkembangan disiplin ilmu falsafah serta pembahagian ilmu falsafah kepada falsafah teoretikal (*Nazariyyah*) dan falsafah praktikal (*Amaliyyah*).
- Menghuraikan cabang-cabang utama falsafah teoretikal iaitu metafizik (falsafah hakikat dan kewujudan), epistemologi (falsafah ilmu dan kebenaran), falsafah psikologi (falsafah hakikat, sifat dan potensi keinsanan) dan estetik (teori perasaan dan kecantikan).
- Menghuraikan cabang-cabang utama falsafah praktikal iaitu etika (falsafah akhlak dan baik/buruk), falsafah politik (falsafah kerajaan dan governan negara), falsafah ekonomi (falsafah pengagihan kekayaan dan keadilan) dan falsafah peradaban (falsafah perkembangan budaya dan tamadun kemanusiaan).
- menganalisis perkembangan dan kemunculan terbaru dalam dunia falsafah seperti falsafah teknologi, falsafah organisasi dan falsafah ekologi.

PENDAHULUAN

Bab ini akan menjelaskan cabang-cabang ilmu falsafah iaitu falsafah teoretikal dan falsafah praktikal. Selain itu, bab ini juga membincangkan kemunculan falsafah-falsafah baharu. Gambaran jelas kesinambungan bab awal dengan bab ini ialah kronologi perbincangannya daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan kepada Rukun Negara dan kemudiannya kepada falsafah sejahtera serta cabang cabang ilmu falsafah dalam kehidupan. Hubungan antara setiapnya sangat penting dan perlu difahami dengan baik demi pengkayaan ilmu pelajar.

CABANG-CABANG ILMU FALSAFAH

Falsafah boleh dibahagikan kepada dua cabang utama iaitu teoretikal dan praktikal. Cabang-cabang falsafah ini terbentuk daripada cetusan pemikiran yang kritis sejak berkurun lama.

Orientasi Falsafah

Selain daripada takrifan falsafah menurut Greek iaitu kecintaan terhadap kebijaksanaan (*love of wisdom*), terdapat fahaman-fahaman lain tentang maksud falsafah yang membawa orientasi yang berbeza. Terdapat aliran yang berbeza berasaskan kepada pentakrifan yang berbeza terhadap maksud aktiviti atau ilmu falsafah itu. *Love of wisdom* menunjukkan penekanan terhadap kehidupan iaitu falsafah bertujuan memberikan panduan tentang bagaimana melahirkan suatu kehidupan yang baik dan membahagiakan. Secara keseluruhan, fokus atau matlamat falsafah ialah pencarian ilmu-ilmu yang bermanfaat dan mengamalkan amalan-amalan baik yang boleh menyempurnakan manusia dan mendorongnya mencapai kebahagiaan dalam hidup.

Perkembangan Pendekatan Falsafah

Falsafah bukan hanya suatu ilmu atau bentuk pemikiran yang bersifat teoretikal semata bahkan mempunyai kesan terhadap kehidupan

itu sendiri. Inilah satu pendekatan yang terdapat dalam kegiatan berfalsafah pada masa dahulu seperti tamadun Greek, Cina dan India. Falsafah tersebut mempunyai kaitan rapat dengan fahaman keagamaan yang juga bertujuan untuk melahirkan satu kehidupan yang baik dan mulia. Fokus falsafah adalah insan dan kemanusiaan itu sendiri.

Terdapat juga perkembangan lain yang menyebabkan falsafah tidak hanya memberi penekanan terhadap soal kebijaksanaan dan kehidupan manusia semata malahan meluas kepada alam *tabi'i* (*natural philosophy*). Ahli-ahli falsafah cuba mendirikan teori masing-masing tentang hakikat dan sifat alam *tabi'i*. Perubahan ini menunjukkan peralihan fokus daripada kehidupan manusia kepada alam *tabi'i*. Wujud pelbagai teori falsafah yang membincangkan hakikat dan realiti sebenar alam ini sama ada bersifat material atau fizikal sahaja ataupun mengandungi unsur-unsur lain yang bukan bersifat material atau metafizik. Ini menunjukkan persoalan falsafah sudah beralih daripada alam manusia kepada alam *tabi'i*.

Satu lagi perkembangan dalam pendekatan falsafah ialah perubahan konsep falsafah sebagai suatu aktiviti intelektual yang cuba menyelesaikan masalah-masalah falsafah. Dalam pendekatan tersebut, penekanan diberikan kepada permasalahan falsafah dan bentuk-bentuk penyelesaiannya. Ini bermaksud falsafah telah beralih arah kepada suatu bidang yang bersifat akademik dan cuba menghuraikan persoalan-persoalan intelektual dengan penyelesaian tertentu tanpa mengaitkannya dengan kebijaksanaan dan kehidupan manusia sebagaimana sebelumnya. Maka timbullah gerakan-gerakan seperti *positivisme logical, analytic philosophy, falsafah bahasa (philosophy of language)* dan sebagainya.

Satu perkara yang dikongsi bersama oleh kegiatan atau ilmu falsafah di Barat adalah penekanan mereka terhadap kegiatan penyelesaian masalah (*problem solving*). Penghujahan rasional dan penglibatan logik dalam kegiatan bertalsafah adalah satu bentuk falsafah yang berlainan dan agak baharu. Pendekatan ini dilihat selaras dengan ilmu itu sebagai sesuatu yang mempunyai justifikasi rasional dan konseptual.

Ini merupakan sesuatu yang agak berbeza bukan sahaja kepada falsafah pada zaman Greek yang berteraskan kepada persoalan kehidupan dan kebahagiaan, tetapi juga berbeza daripada falsafah Timur yang tidak bersifat konseptual. Falsafah Timur tidak berhujah secara mendalam menggunakan logik dan rasionaliti, tetapi lebih mengarah kepada penggunaan kaedah induktif dan metafizik untuk menghuraikan realiti mengikut pandangan atau visi masing-masing. Dengan lain perkataan, pendekatan falsafah Barat dan Timur adalah berbeza dan setiap satunya mempunyai kelebihan masing-masing dan tersendiri. Antara kekuatan pendekatan Barat ialah pembuktian melalui kaedah empirikal dengan lahirnya mantik moden yang berteraskan pendekatan induktif-empirikal. Ini selaras dengan kemunculan tokoh-tokoh moden seperti Roger Bacon, John Stuart Mill dan lain-lain yang mendapat inspirasi daripada kajian Ibnu Haytham dan Jabir Ibnu Hayyan. Manakala kelebihan pendekatan Timur pula ialah penekanannya kepada aspek penghujahan rasional dan penerimaan aspek kerohanian.

FALSAFAH TEORETIKAL

Falsafah teoritikal adalah falsafah yang merujuk kepada persoalan-persoalan dasar yang memerlukan satu usaha intelektual yang mendalam untuk menjawabnya. Perbincangannya berusaha untuk memuaskan keinginan bagi mengetahui sesuatu perkara yang bersifat intelektual di samping membantu seseorang untuk memahami cara dan arah manusia berfikir.

Metafizik

Metafizik adalah satu komponen penting dalam falsafah yang menjelaskan bahawa ruang lingkup atau wilayah cakupan falsafah bukan hanya terbatas pada persoalan alam fizikal malah turut menjangkau alam metafizikal atau *supernatural*. Falsafah fizik menyentuh persoalan realiti kebendaan atau perkara yang dapat

diketahui melalui pengalaman empirikal dan dapat difahami oleh akal rasional. Manakala falsafah metafizik pula menyentuh persoalan 'di luar' realiti kebendaan dan yang tidak diketahui melalui pengalaman fizikal (pancaindera) manusia. Antara tema besar dalam persoalan metafizik ialah ketuhanan, takdir, jiwa atau roh, akal dan jasad, keabadian dan perubahan, asal mula dan akhir sesuatu dan sebagainya.

Epistemologi

Selain daripada metafizik, komponen utama falsafah juga ialah epistemologi. Epistemologi boleh ditakrifkan sebagai teori pengetahuan yang benar. Ianya membahaskan tentang hakikat, sumber dan kesahan sesuatu ilmu. Teori pengetahuan ini melibatkan upaya rasional untuk menimbang dan menentukan nilai kognitif pengalaman manusia dalam interaksinya dengan diri dan lingkungan sekitarnya. Justeru, epistemologi bersifat evaluatif, normatif dan kritis. Dalam skala yang lebih besar, epistemologi mempengaruhi peradaban manusia kerana setiap peradaban dibentuk oleh teori pengetahuan yang mendorong pemikiran dan perenungan manusia tentang bagaimana cara membangunkan sesuatu visi mengikut konteks masing-masing.

Psikologi

Falsafah psikologi memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Falsafah psikologi memandu kita memahami minda dan tingkah laku manusia dengan lebih baik. Dengan adanya kefahaman tentang psikologi, manusia dapat menentukan bagaimana minda dan sistem badan seseorang itu berfungsi dan membantu individu dalam membuat sesuatu keputusan. Selain mengkaji fungsi mental dalam tingkah laku sosial, falsafah ini juga meneroka proses fisiologi dan biologi yang mendasari fungsi dan perilaku kognitif. Penguasaan falsafah psikologi berupaya memberi penghayatan terhadap hakikat, sifat dan potensi keinsanan sehingga akhirnya kapasiti setiap insan dapat dibangunkan secara seimbang dalam semua fakulti dan dimensinya.

Estetika

Falsafah estetika berkait rapat dengan kepekaan terhadap kesenian dan keindahan. Keindahan dalam makna estetika meliputi persoalan keindahan seni, alam, moral dan intelektual. Secara umumnya, persoalan-persoalan estetika adalah persoalan kritis yang menggambarkan, menafsirkan dan menilai pengalaman seni. Falsafah estetika berkait dengan persoalan seperti berikut: Apakah itu seni? Apakah teori-teori seni? Apakah keindahan dan teori tentang keindahan? Apakah keindahan itu objektif atau subjektif? Apakah keindahan itu berperanan dalam kehidupan manusia seharian? Apakah neraca yang digunakan untuk menentukan keindahan?

FALSAFAH PRAKTIKAL

Falsafah praktikal adalah perbincangan falsafah dalam disiplin tertentu yang mempersoalkan tentang sesuatu bidang yang mempunyai aplikasi yang jelas misalnya bidang ekonomi, politik, etika dan peradaban.

Ekonomi

Falsafah ekonomi membincangkan perkara dan persoalan dasar mengenai ekonomi seperti keadilan dan kesaksamaan ekonomi. Pemikiran falsafah mengenai keadilan dan kesaksamaan ekonomi boleh diguna pakai supaya dasar, sumber dan pengagihan ekonomi akan menjadi lebih adil lagi. Ini akan membantu kerajaan dalam membentuk dasar ekonomi yang lebih adil justeru lebih mudah diterima oleh masyarakat umum.

Politik

Hasil perbincangan falsafah politik boleh memberi hasil yang praktikal dan menjadi nasihat yang berguna kepada kerajaan mengenai konsep pentadbiran sesuatu negara, sistem kerajaan dan sebagainya. Plato

melalui penulisan *The Republic*, menganjurkan satu masyarakat yang ideal dan prinsip politik ideal yang boleh dipraktikkan oleh sesebuah kerajaan. Demokrasi, liberal demokrasi, Marxisme dan Komunisme adalah contoh mudah yang berkaitan dan berpunca daripada pemikiran falsafah politik. Marxisme misalnya berasaskan kepada pemikiran Karl Marx. Fahaman sosialis ala Karl Marx telah mempengaruhi negara-negara besar seperti Rusia dan China.

Etika

Falsafah etika adalah disiplin ilmu yang mengkaji dan mempersoalkan pelbagai isu baik dan buruk tentang adat, tabiat, susila, cara berfikir, sikap, agama dan semua faktor yang dapat mempengaruhi kehidupan manusia. Ia juga menumpukan kepada aspek tingkah laku manusia terutama dalam konteks hubungan sesamanya sama ada kehidupan peribadi atau sosial yang akan dinilai sama ada dalam bentuk baik atau buruk. Falsafah etika perlu difahami melalui satu prinsip mutlak dan universal. Hal ini tidak bertujuan untuk menyempitkan perbincangan etika sebaliknya untuk meluaskan maksud dan pemahaman etika tanpa mengabaikan keadaan semasa dan cabaran mendatang. Etika bukan sahaja mempunyai kaitan langsung dengan pelbagai cabang kehidupan manusia bahkan ia menjadi satu set panduan kepada mereka yang inginkan kehidupan yang bermakna dan sejahtera.

Peradaban

Falsafah peradaban ialah pemikiran tentang keadaan kehidupan insan bermasyarakat yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur serta mempunyai pencapaian yang signifikan dalam bidang pemikiran, material dan spiritual. Peradaban juga memiliki institusi-institusi yang kompleks, melibatkan tahap pengkhususan yang tinggi dalam kalangan anggota masyarakat dan tahap penguasaan teknologi yang canggih. Pencapaian material yang dicapai dalam sesebuah peradaban seperti unsur seni bina, pentadbiran yang berkesan, pencapaian ilmu pengetahuan dan sebagainya bergerak

seiring dengan unsur-moral atau kerohanian. Ahli masyarakatnya mengamalkan perkongsian norma-norma sosial dan tradisi yang melahirkan kesepaduan politik dan budaya, serta menguruskan sebuah kerajaan yang demokratis. Matlamat akhir falsafah ini ialah menyempurnakan manusia dengan kemanusiaannya, menimbulkan makna sebenar perhambaan kepada Tuhan dan keseimbangan yang menyeluruh dalam hidup individu dan masyarakat.

KEMUNCULAN FALSAFAH-FALSAFAH BAHARU

Pada abad ke-21 ini telah muncul falsafah teknologi, organisasi dan ekologi. Falsafah-falsafah ini secara relatifnya boleh dianggap baharu berbanding dengan falsafah teoretikal, falsafah etika dan sebagainya.

Teknologi

Falsafah teknologi muncul disebabkan kemunculan teknologi-teknologi baharu yang begitu pesat selepas revolusi industri kedua pada abad ke-19. Revolusi industri telah menghasilkan pelbagai teknologi baharu seperti teknologi pembuatan kereta, kapal terbang, telefon, televisyen dan sekarang ini komputer, internet dan sebagainya. Teknologi tersebut telah memberi impak yang sangat besar kepada kehidupan manusia. Oleh itu, masyarakat memerlukan dasar pemikiran tertentu iaitu pemikiran falsafah tentang hakikat teknologi, hubungan teknologi dengan manusia dan sifat teknologi sama ada dianggap sebagai sambungan kepada diri manusia atau sesuatu yang boleh mengancam kemanusiaan itu sendiri seperti teknologi persenjataan atau teknologi berasaskan *artificial intelligence* yang boleh menghasilkan robot yang diramalkan mampu mengambil alih peranan manusia.

Organisasi

Falsafah organisasi meletakkan prinsip dan dasar bagi setiap kegiatan agar setiap ahli organisasi dapat berfungsi dengan efisien dan efektif

dalam melaksanakan peranan masing-masing. Organisasi dilihat sebagai wadah yang menjadi tempat sekelompok individu berkumpul, berinteraksi dan seterusnya bekerjasama dalam mengusahakan sesuatu tujuan atau objektif organisasi yang telah disepakati bersama. Organisasi juga boleh difahami sebagai suatu proses iaitu individu-individu yang terlibat mengalami fasa-fasa tertentu yang menjadikan setiap individu tersebut mengerti tentang dirinya, tujuan kehidupannya dan pengakhiran hidupnya.

Ekologi

Falsafah ekologi membincangkan kerangka pemikiran dalam pengurusan persekitaran khususnya hubungan dan interaksi di antara manusia dengan alam sekitar. Oleh sebab kepesatan pembangunan yang tidak dirancang dengan teliti, kebanyakan pembangunan yang muncul pada hari ini meninggalkan kesan yang buruk kepada alam sekitar. Falsafah ekologi melihat bagaimana hubungan antara sesama manusia mampu mempengaruhi alam persekitarannya secara positif, memanfaatkan hasil alam secara bijaksana dan lestari serta memahami makna kehidupan dengan lebih baik. Hubungan timbal balas antara manusia dan alam penting untuk melestarikan kehidupan manusia kini dan untuk generasi yang akan datang. Alam sekitar bukan sahaja memberi manfaat kepada manusia secara fizikal tetapi juga memberi nilai kesedaran kepada manusia secara fizikal tetapi juga memberi hubungan manusia dengan Tuhan.

PENUTUP

Bab ini berusaha mengajak pelajar untuk memahami cabang falsafah dan mengaitkannya dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Rukun Negara dan falsafah sejahtera yang boleh dilihat sebagai falsafah baharu dalam bentuk teoretikal dan praktikal. Falsafah merupakan bidang ilmu yang sangat luas. Kefahaman yang baik tentang tajuk penting untuk membantu pelajar menilai semula pelbagai isu semasa yang

melatari kehidupannya. Kefahaman ini juga akan membantu pelajar untuk melihat tujuan dan roh Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta Rukun Negara dalam perspektif yang tepat yang seterusnya menjadi asas kepada pembangunan warganegara yang bertanggungjawab dan profesional. Kedinamikan perkembangan falsafah baharu akan memantangkan cara pelajar berfikir dalam mengurus kepelbagaian dimensi polisi dan birokrasi kehidupan.

LATIHAN

1. Nyatakan pembahagian ilmu falsafah? Kaitkan jawapan tersebut dengan pengetahuan anda sebagai pelajar.
2. Jelaskan falsafah teoretikal dan berikan contoh-contoh yang bersesuaian?
3. Apakah perbezaan antara falsafah teoretikal dan falsafah praktikal?
4. Apakah fungsi falsafah dalam menangani kemunculan fenomena-fenomena terkini kehidupan?

RUJUKAN

- Abdul Jalil Hasan (1989). *Falsafah dan Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latif Samian (1993). *Pengenal Falsafah dan Sejarah Sains*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah (2005). *Wacana Falsafah Ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Abdullah (2016). *Wacana Falsafah Barat*. Kuala Lumpur: ITBM
- Awang Sarian (2007). *Falsafah dan Logika Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Dzulkiifi Abdul Razak (2015). *Nurturing a Balanced Person*. Kuala Lumpur: ITBM
- Dzulkiifi A.R., Hari Muka Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Adab, Akhlak, Limpahan Budi dan Sejahtera, (ms 370-380), dlm Dzulkiifi A.R. & Rosnani H. (2019). *Pentafsiran Baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020*. Kuala Lumpur: IIUM
- Hashim Musa (2001). *Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu
- Noor Hisham dan Nurul Hudani (2018). *Wacana Falsafah Ilmu*. Kota Bharu : Penerbit UMK.
- Osman B., Aspek Kesejagatan dan Peradaban Falsafah Pendidikan Kebangsaan, (ms 34-51) dlm Dzulkiifi A.R. & Rosnani H. dlm Dzulkiifi A.R. & Rosnani H. (2019). *Pentafsiran Baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020*. Kuala Lumpur: IIUM